

10

MAKLUMAT KESELAMATAN PEKERJAAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA: SEJAUH MANA TAHAP KEBOLEHBANTUAN DAN KEPUASAN PEKERJA ASING TERHADAP MEDIUM PENYAMPAIAN SEDIA ADA?

Nurul Azita Salleh¹
Rushanim Hashim²

*^{1,2}Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik, Kolej Perniagaan, Universiti
Utara Malaysia, 06010 Sintok Kedah
azyta@uum.edu.my, rushanim@uum.edu.my*

PENGENALAN

Sesungguhnya, industri pembinaan merupakan sebuah industri yang kompleks dan merbahaya dengan suasana persekitaran kerja yang berisiko tinggi serta mempunyai kepelbagaian bidang dan tenaga kerja yang berpotensi untuk mengalami kemalangan, kecederaan serta kematian di tapak bina (Mohamed Khodeir & Salaheldine, 2018; Vitharana, Subashi De Silva & Sudhira De Silva, 2015). Namun, dalam memahami dan melaksanakan setiap bidang kerja di tapak bina ini, maka adalah penting pihak yang bertanggungjawab dapat menyampaikan arahan kerja serta maklumat keselamatan ini dengan berkesan. Hal ini adalah bagi memastikan setiap kefahaman yang dicapai dapat diaplikasikan sekaligus menjamin hasil dan kualiti pelaksanaan kerja serta jaminan keselamatan diri.

Berhubung risiko kemalangan yang sering berlaku di tapak bina, maka adalah penting maklumat keselamatan ini diketahui terlebih dahulu oleh pekerja sebelum memulakan kerja di tapak bina. Maklumat keselamatan ini sebenarnya adalah melibatkan beberapa aspek perlindungan diri, peraturan serta cara kerja selamat di samping penyediaan persekitaran kerja yang kondusif bagi mencegah individu yang bekerja mengalami kecederaan atau kesan kesihatan dari kerja yang dilakukan. Lazimnya, maklumat keselamatan pekerjaan ini diterima oleh pekerja semasa menghadiri Kursus Induksi Keselamatan dan Kesihatan iaitu satu kursus awal yang wajib dihadiri sebelum memasuki tapak bina. Namun, isunya adalah sejauh manakah maklumat keselamatan di dalam kursus ini difahami oleh pekerja asing?

Sebelum itu, mari kita kenali terlebih dahulu siapakah itu pekerja asing dan Kursus Induksi Keselamatan dan Kesihatan.

Pekerja Asing

Menurut Jabatan Kastam dan Imigresen, pekerja asing ditakrifkan sebagai bukan warganegara Malaysia atau pemastautin tetap, tidak termasuk pegawai dagang (expatriates) serta pekerja tidak mahir atau separuh mahir. Malah, pekerja asing atau buruh asing bagi negara Malaysia ini merupakan pekerja yang berasal dari negara luar yang datang bekerja atau untuk bekerja di negara ini bagi sesuatu tempoh tertentu bagi memenuhi kekosongan pekerjaan dalam sektor pembuatan, pembinaan, perkhidmatan, perladangan, pertanian serta menjadi pembantu rumah (Che Hashim, 2009).

Dalam konteks ini, pekerja asing adalah merupakan pekerja am binaan yang telah ditetapkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan untuk melaksanakan segala kerja yang diarahkan oleh majikan di tapak bina. Namun, sebelum pekerja asing ini memulakan tugas di tapak bina, adalah wajib bagi mereka untuk menghadiri Kursus Induksi Keselamatan dan Kesihatan iaitu sebagai suatu langkah perlindungan awal bagi keselamatan diri.

Kursus Induksi Keselamatan dan Kesihatan (KIKK)

Kursus Induksi Keselamatan dan Kesihatan ini adalah dikendalikan sepenuhnya oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) terhadap pekerja yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam pembinaan iaitu dengan objektif:

- i. meningkatkan kesedaran dalam kalangan personel binaan terhadap bahaya-bahaya di tapak bina melalui Kursus Induksi Keselamatan dan Kesihatan.
- ii. mengurangkan kemungkinan kecederaan atau kerosakan ke atas personel binaan, orang awam ataupun harta benda dengan memastikan undang-undang dan peraturan-peraturan yang sedia ada dipatuhi dan dikuatkuasakan di tapak bina.
- iii. mewujudkan budaya keprihatinan kepada aspek-aspek keselamatan dan kesihatan di tapak bina serta kebajikan kepada personel binaan melalui Skim Perlindungan Takaful Berkelompok.

Mengikut peraturan pelaksanaan Kursus Induksi Keselamatan dan Kesihatan di bawah Program Kad Hijau CIDB, kursus ini adalah dijalankan sekali sahaja (satu hari) pada satu tarikh dalam tempoh tidak kurang dari 6 jam dengan kapasiti maksima peserta kursus seramai 40 orang dan minima 20 orang pada satu sesi di dalam ruang yang sesuai. Kursus ini boleh dilaksanakan dengan mengumpulkan kesemua pekerja asing pada satu-satu masa atau bercampur dengan pekerja tempatan serentak dalam satu sesi kursus.

Namun, bagaimanakah bentuk dan kaedah pelaksanaan kursus ini? Kursus ini sebenarnya dilaksanakan secara pengajaran berbentuk kuliah di mana tenaga pengajar akan menyampaikan maklumat secara lisan kepada peserta kursus dengan bantuan medium penyampaian berbentuk *PowerPoint*. Lazimnya, tenaga pengajar menggunakan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris sepanjang

kursus berlangsung. Persoalannya, mampukah pekerja asing terutamanya pekerja binaan bukan warga Indonesia memahami dan menerima dengan betul maklumat yang disampaikan dalam Bahasa Melayu? Namun begitu, mari kita kenali dahulu mengenai medium penyampaian maklumat yang digunakan di dalam KIKK.

Medium Penyampaian Maklumat di dalam KIKK

Medium penyampaian maklumat sememangnya amat penting dalam sesuatu pengajaran dan pembelajaran agar pelajar dapat memahami dan menerima dengan baik maklumat yang disampaikan. Ia merupakan suatu alat atau bahan berbentuk perisian yang dibangunkan bagi pengendalian sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran (Habibah, Raman & Teoh, 2014; Yusup, 1997) serta turut bertindak untuk membawa mesej kepada pelajar. Selain pelajar, medium penyampaian ini juga membantu tenaga pengajar untuk menyampaikan maklumat dengan lebih mudah. Namun, kelemahan pada sesebuah medium penyampaian ini boleh menyebabkan pelajar tidak memahami apa yang dipelajari serta mudah merasa bosan atau tidak berminat dengan setiap maklumat yang disampaikan.

Kajian pemerhatian yang dilaksanakan sebelum ini mendapati kebanyakan tenaga pengajar adalah menggunakan Bahasa Melayu pada medium penyampaian berbentuk *PowerPoint* dan bahan bercetak sepanjang pelaksanaan kursus yang dihadiri oleh pekerja asing (Nurul Azita, 2014). Tambahan pula, medium yang digunakan ini menggunakan teks yang terlalu panjang, susunan teks dan grafik yang tidak kemas, saiz teks yang tidak konsisten serta terdapat penggunaan grafik yang kurang jelas di samping cara penyampaian maklumat dalam Bahasa Melayu yang kurang interaktif, berbentuk presentasi dan bersifat satu hala menyebabkan pekerja asing tidak berminat dan tidak memahami maklumat yang disampaikan.

Malah, kajian Nurul Azita (2014) terhadap pekerja binaan warga Myanmar mendapati ujian pencapaian yang telah dijalankan di dalam kursus adalah amat membimbangkan di mana pekerja binaan warga Myanmar ini tidak memahami maklumat yang disampaikan menggunakan bahasa Melayu. Namun, hasil ujian pencapaian yang dilakukan ke atas mereka adalah jauh lebih baik apabila menggunakan bahasa ibunda mereka iaitu Bahasa Myanmar.

Selain itu, kajian turut dilakukan di Negeri Kedah bagi melihat tahap kebolehbantuan dan kepuasan pekerja asing terhadap medium penyampaian maklumat yang digunakan di dalam KIKK.

KAJIAN KEBOLEHBANTUAN MEDIUM PENYAMPAIAN MAKLUMAT TERHADAP PEKERJA ASING DALAM KIKK DI KEDAH

Kekangan Penerimaan Maklumat

Kajian yang dilaksanakan terhadap beberapa tempat kursus dan tapak bina telah melihat beberapa kekangan penerimaan maklumat yang dihadapi oleh pekerja asing semasa menghadiri KIKK. Jadual 1 menunjukkan anggaran statistik frekuensi, peratus dan min terhadap tahap kesetujuan responden bagi setiap jenis kekangan yang dihadapi oleh pekerja asing di dalam kursus. Soalan induk adalah mengukur sama ada responden memahami maklumat yang disampaikan berdasarkan jenis bahasa dan kaedah penyampaian.

Berdasarkan nilai min dalam Jadual 10.1, secara umumnya kesemua kaedah penyampaian dan jenis bahasa merupakan kekangan kepada pekerja asing dari segi memahami maklumat yang ingin disampaikan kecuali maklumat yang disampaikan dalam bahasa Melayu secara bercetak.

Jadual 10.1
Tahap kesetujuan terhadap kekangan bahasa.

Kekangan Bahasa / Kaedah Penyampaian	Frekuensi (Peratus)					Min
	STS	TS	TP	S	SS	
Melayu (Lisan)	0 (0)	28 (70)	1 (2.5)	11 (27.5)	0 (0)	2.58
Melayu (Bertulis)	20 (50)	17 (42.5)	1 (2.5)	2 (5)	0 (0)	1.63
Melayu (Becetak)	0 (0)	16 (40)	6 (15)	12 (30)	6 (15)	3.2
Inggeris (Lisan)	38 (95)	2 (5)	0 (0)	0 (0)	0 (0)	1.05
Inggeris (Bertulis)	36 (90)	4 (10)	0 (0)	0 (0)	0 (0)	1.1
Inggeris (Bercetak)	1 (2.5)	22 (55)	5 (12.5)	9 (22.5)	3 (7.5)	2.78

Perkara ini disokong oleh nilai-nilai min (purata) yang lebih rendah daripada nilai medium = 3. Meneliti nilai-nilai statistik dalam jadual, kajian telah mengenalpasti bahawa bahasa Inggeris secara keseluruhannya merupakan kekangan terbesar bagi pekerja asing untuk menerima serta memahami maklumat yang disampaikan. Kekangan bahasa Inggeris dari segi lisan dan bertulis merupakan sebab utama dengan nilai min serendah 1.05 dan 1.1. Keputusan kajian menunjukkan sebanyak 95% (38) pekerja asing menyatakan bahawa mereka sangat tidak setuju memahami maklumat yang disampaikan menggunakan bahasa Inggeris secara lisan. Tambahan pula, sebanyak 90% (36) pekerja asing

pula sangat tidak bersetuju bahawa mereka memahami maklumat yang disampaikan menggunakan bahasa Inggeris secara bertulis.

Penyampaian maklumat dalam bahasa Melayu secara bercetak adalah satu-satunya cara penyampaian yang menunjukkan nilai min melebihi 3 (medium) di mana sebanyak 40% (16) responden tidak bersetuju, 15% (6) tidak pasti, 30% (12) setuju dan 15% (6) sangat bersetuju. Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa kekangan utama pekerja asing adalah bahasa Inggeris serta penyampaian maklumat secara bertulis dan lisan.

Perkara ini disokong oleh nilai-nilai min (purata) yang lebih rendah daripada nilai medium = 3. Meneliti nilai-nilai statistik dalam jadual, kajian telah mengenalpasti bahawa bahasa Inggeris secara keseluruhannya merupakan kekangan terbesar bagi pekerja asing untuk menerima serta memahami maklumat yang disampaikan. Kekangan bahasa Inggeris dari segi lisan dan bertulis merupakan sebab utama dengan nilai min serendah 1.05 dan 1.1. Keputusan kajian menunjukkan sebanyak 95% (38) pekerja asing menyatakan bahawa mereka sangat tidak setuju memahami maklumat yang disampaikan menggunakan bahasa Inggeris secara lisan. Tambahan pula, sebanyak 90% (36) pekerja asing pula sangat tidak bersetuju bahawa mereka memahami maklumat yang disampaikan menggunakan bahasa Inggeris secara bertulis.

Penyampaian maklumat dalam bahasa Melayu secara bercetak adalah satu-satunya cara penyampaian yang menunjukkan nilai min melebihi 3 (medium) di mana sebanyak 40% (16) responden tidak bersetuju, 15% (6) tidak pasti, 30% (12) setuju dan 15% (6) sangat bersetuju. Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa kekangan utama pekerja asing adalah bahasa Inggeris serta penyampaian maklumat secara bertulis dan lisan.

Penilaian Medium Penyampaian Maklumat

Terdapat beberapa aspek yang dinilai dalam proses menentukan kebolehbantuan medium penyampaian maklumat sedia ada di kalangan pekerja asing di dalam kursus. Dalam kajian ini, penilaian adalah dijalankan terhadap maklumat keselamatan berkaitan kelengkapan pelindung diri iaitu dari segi kegunaan kelengkapan pelindung diri, peraturan keselamatan, cara pemakaian serta kesan baik menggunakan kelengkapan pelindung diri. Topik kelengkapan pelindung diri ini adalah dipilih berdasarkan penekanan utama yang diberikan oleh tenaga pengajar sebelum ini di dalam kursus. Justeru, analisis min telah dijalankan dan jadual digunakan bagi memaparkan tahap kesetujuan responden bagi setiap aspek yang diuji.

Kegunaan Kelengkapan Pelindung Diri

Kajian mendapati bahawa medium penyampaian maklumat sedia ada yang digunakan adalah sangat kurang membantu dari segi menyampaikan maklumat tentang kegunaan pelindung kepala, pelindung kaki, jaket keselamatan, pelindung telinga, pelindung muka dan mata, tali pinggang keselamatan, pelindung tangan dan pelindung pernafasan. Jadual di bawah menunjukkan

perincian peratusan hasil kebolehbantuan bagi setiap kegunaan kelengkapan pelindung diri terhadap pekerja asing.

Jadual 10.2

Kebolehbantuan mengetahui mengenai kegunaan pelindung kepala.

	STS	TS	TP	S	SS
Frekuensi	0	26	0	14	0
Peratus	0	65	0	35	0
Nilai-p (Binomial)	0.081				

STS: Sangat tidak setuju, TS: Tidak setuju, TP: Tidak pasti, S: Setuju, SS: Sangat setuju

Jadual 10.2 menunjukkan tahap kebolehbantuan medium penyampaian maklumat dari segi mengetahui mengenai kegunaan pelindung kepala oleh pekerja asing di tapak bina. Nilai p ujian binomial ($p = 0.081$) menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang bererti antara proposi kumpulan bersetuju dengan kumpulan tidak bersetuju pada aras keertian 0.10. Keputusan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan responden tidak bersetuju (65%) bahawa medium penyampaian maklumat sedia ada membantu mengenai kegunaan pelindung kepala kepada pekerja asing. Justeru, kajian ini merumuskan bahawa kebolehbantuan medium penyampaian maklumat mengenai kegunaan pelindung kepala adalah pada tahap yang sederhana rendah sahaja.

Jadual 10.3

Kebolehbantuan mengetahui mengenai kegunaan pelindung kaki.

	STS	TS	TP	S	SS
Frekuensi	1	27	0	12	0
Peratus	2.5	67.5	0	30	0
Nilai-p (Binomial)	0.017				

STS: Sangat tidak setuju, TS: Tidak setuju, TP: Tidak pasti, S: Setuju, SS: Sangat setuju

Jadual 10.3 pula menunjukkan tahap kebolehbantuan medium penyampaian maklumat dari segi mengetahui mengenai kegunaan pelindung kaki oleh pekerja asing di tapak bina. Nilai p ujian binomial ($p = 0.017$) adalah menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang bererti antara proposi kumpulan bersetuju dengan kumpulan tidak bersetuju pada aras keertian 0.05. Dapatan kajian menunjukkan kebanyakan responden tidak bersetuju (70%) bahawa medium penyampaian maklumat sedia ada ini dapat membantu mengenai kegunaan pelindung kaki. Oleh yang demikian, kajian menyimpulkan bahawa kebolehbantuan medium penyampaian maklumat dari segi mengetahui mengenai kegunaan pelindung kaki adalah hanya pada tahap sederhana rendah.

Jadual 10.4

Kebolehbantuan mengetahui mengenai kegunaan jaket keselamatan.

	STS	TS	TP	S	SS
Frekuensi	8	30	0	2	0
Peratus	20	75	0	5	0
Nilai-p (Binomial)	< 0.001				

STS: Sangat tidak setuju, TS: Tidak setuju, TP: Tidak pasti, S: Setuju, SS: Sangat setuju

Tahap kebolehbantuan medium penyampaian maklumat dalam mengetahui mengenai kegunaan jaket keselamatan oleh pekerja asing di tapak bina turut ditunjukkan dalam Jadual 10.4. Berdasarkan nilai p ujian binomial ($p < 0.001$), kajian menyatakan bahawa terdapat perbezaan yang bererti antara proposi kumpulan bersetuju dengan kumpulan tidak bersetuju pada aras keertian 0.05. Merujuk pada jadual, di dapati hanya segelintir responden sahaja bersetuju (5%) bahawa medium penyampaian maklumat sedia ada ini dapat membantu pekerja asing mengetahui mengenai kegunaan jaket keselamatan sepanjang bekerja di tapak bina. Justeru itu, kajian menyimpulkan bahawa kebolehbantuan medium penyampaian maklumat dalam mengetahui mengenai kegunaan jaket keselamatan ini hanya berada pada tahap yang rendah.

Jadual 10.5

Kebolehbantuan mengetahui mengenai kegunaan pelindung telinga.

	STS	TS	TP	S	SS
Frekuensi	12	26	1	1	0
Peratus	30	65	2.5	2.5	0
Nilai-p (Binomial)	< 0.001				

STS: Sangat tidak setuju, TS: Tidak setuju, TP: Tidak pasti, S: Setuju, SS: Sangat setuju

Tahap kebolehbantuan medium penyampaian maklumat bagi kegunaan pelindung telinga oleh pekerja asing di tapak bina ditunjukkan dalam Jadual 10.5. Nilai p ujian binomial ($p < 0.001$) menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang bererti antara proposi kumpulan bersetuju dengan kumpulan tidak bersetuju pada aras keertian 0.05. Keputusan kajian menunjukkan bahawa hanya segelintir responden sahaja yang bersetuju (2.5%) bahawa medium penyampaian maklumat sedia ada ini membantu untuk mengetahui mengenai kegunaan pelindung telinga. Kajian menyimpulkan bahawa kebolehbantuan medium penyampaian maklumat dalam mengetahui mengenai kegunaan pelindung telinga ini hanyalah pada tahap yang rendah sahaja.

Jadual 10.6

Kebolehbantuan mengetahui mengenai kegunaan pelindung muka dan mata.

	STS	TS	TP	S	SS
Frekuensi	12	27	0	1	0
Peratus	30	67.5	0	2.5	0
Nilai-p (Binomial)	< 0.001				

STS: Sangat tidak setuju, TS: Tidak setuju, TP: Tidak pasti, S: Setuju, SS: Sangat setuju

Jadual 10.6 menunjukkan tahap kebolehbantuan medium penyampaian maklumat dalam mengetahui mengenai kegunaan pelindung muka dan mata oleh pekerja asing di tapak bina. Nilai p ujian binomial ($p < 0.001$) menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang bererti antara proposi kumpulan bersetuju dengan kumpulan tidak bersetuju pada aras keertian 0.05. Keputusan kajian menunjukkan bahawa hampir semua responden tidak bersetuju (97.5%) bahawa medium penyampaian maklumat sedia ada ini dapat membantu mengetahui mengenai kegunaan pelindung muka dan mata. Kajian telah menyimpulkan bahawa kebolehbantuan medium penyampaian maklumat dalam mengetahui mengenai kegunaan pelindung muka dan mata ini hanya berada pada tahap yang rendah.

Jadual 10.7

Kebolehbantuan mengetahui mengenai kegunaan tali pinggang keselamatan.

	STS	TS	TP	S	SS
Frekuensi	13	26	0	1	0
Peratus	32.5	65	0	2.5	0
Nilai-p (Binomial)	< 0.001				

STS: Sangat tidak setuju, TS: Tidak setuju, TP: Tidak pasti, S: Setuju, SS: Sangat setuju

Jadual 10.7 pula menunjukkan tahap kebolehbantuan medium penyampaian maklumat dalam mengetahui mengenai kegunaan tali pinggang keselamatan oleh pekerja asing di tapak bina. Berdasarkan nilai p ujian binomial ($p < 0.001$), kajian menyatakan bahawa terdapat perbezaan yang bererti antara proposi kumpulan bersetuju dengan kumpulan tidak bersetuju pada aras keertian 0.05. Merujuk pada jadual, di dapati hanya segelintir responden sahaja bersetuju (2.5%) bahawa medium penyampaian maklumat sedia ada ini membantu untuk mengetahui mengenai kegunaan tali pinggang keselamatan. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa kebolehbantuan medium penyampaian maklumat dalam mengetahui mengenai kegunaan tali pinggang keselamatan ini hanya pada tahap yang rendah.

Jadual 10.8

Kebolehbantuan mengetahui mengenai kegunaan pelindung tangan.

	STS	TS	TP	S	SS
Frekuensi	6	28	0	6	0
Peratus	15	70	0	15	0
Nilai-p (Binomial)	< 0.001				

STS: Sangat tidak setuju, TS: Tidak setuju, TP: Tidak pasti, S: Setuju, SS: Sangat setuju

Tahap kebolehbantuan medium penyampaian maklumat dalam mengetahui mengenai kegunaan pelindung tangan oleh pekerja asing di tapak bina telah ditunjukkan dalam Jadual 10.8. Nilai p ujian binomial ($p < 0.001$) menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang bererti antara proposi kumpulan bersetuju dengan kumpulan tidak bersetuju pada aras keertian 0.05. Keputusan kajian menunjukkan bahawa hampir semua responden tidak bersetuju (95%) bahawa medium penyampaian maklumat sedia ada dapat membantu dalam mengetahui mengenai kegunaan pelindung tangan. Justeru, kajian menyimpulkan bahawa kebolehbantuan medium penyampaian maklumat dalam mengetahui mengenai kegunaan pelindung tangan ini hanya berada pada tahap yang rendah.

Jadual 10.9

Kebolehbantuan mengetahui mengenai kegunaan pelindung pernafasan.

	STS	TS	TP	S	SS
Frekuensi	7	27	0	0	0
Peratus	17.5	67.5	0	0	0
Nilai-p (Binomial)	< 0.001				

STS: Sangat tidak setuju, TS: Tidak setuju, TP: Tidak pasti, S: Setuju, SS: Sangat setuju

Akhir sekali, Jadual 10.9 menunjukkan mengenai tahap kebolehbantuan medium penyampaian maklumat dalam mengetahui mengenai kegunaan pelindung pernafasan oleh pekerja asing di tapak bina. Berdasarkan nilai p ujian binomial ($p < 0.001$), kajian menyatakan bahawa terdapat perbezaan yang bererti antara proposi kumpulan bersetuju dengan kumpulan tidak bersetuju pada aras keertian 0.05. Merujuk pada jadual, di dapati semua responden tidak bersetuju (100%) bahawa medium penyampaian maklumat sedia ada ini dapat membantu untuk mengetahui mengenai kegunaan pelindung pernafasan. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa kebolehbantuan medium penyampaian maklumat dalam mengetahui mengenai kegunaan pelindung pernafasan ini adalah berada pada tahap yang sangat rendah.

Peraturan Keselamatan Bagi Kelengkapan Pelindung Diri

Hasil kajian menunjukkan bahawa medium penyampaian maklumat sedia ada tidak membantu pekerja asing dalam mengetahui serta memahami mengenai

peraturan keselamatan bagi kelengkapan pelindung diri. Kajian turut mendapati bahawa hanya pelindung kepala dan pelindung kaki sahaja menunjukkan tahap kebolehbantuan yang lebih tinggi berbanding dengan kelengkapan pelindung diri yang lain. Jadual di bawah menunjukkan mengenai perincian peratusan hasil kebolehbantuan maklumat peraturan keselamatan bagi setiap kelengkapan pelindung diri.

Jadual 10.10

Kebolehbantuan mengetahui mengenai peraturan keselamatan bagi pelindung kepala.

	STS	TS	TP	S	SS
Frekuensi	0	28	0	12	0
Peratus	0	70	0	30	0
Nilai-p (Binomial)	0.017				

STS: Sangat tidak setuju, TS: Tidak setuju, TP: Tidak pasti, S: Setuju, SS: Sangat setuju

Jadual 10.10 menunjukkan tahap kebolehbantuan medium penyampaian maklumat mengenai peraturan keselamatan bagi pelindung kepala oleh pekerja asing di tapak bina. Nilai p ujian binomial ($p = 0.017$) menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang bererti antara proposi kumpulan bersetuju dengan kumpulan tidak bersetuju pada aras keertian 0.05. Keputusan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden tidak bersetuju (70%) bahawa medium penyampaian maklumat sedia ada ini membantu dalam mengetahui mengenai peraturan keselamatan bagi pelindung kepala. Kajian telah menyimpulkan bahawa kebolehbantuan medium penyampaian maklumat mengenai peraturan keselamatan bagi pelindung kepala ini hanya berada pada tahap sederhana rendah.

Jadual 10.11

Kebolehbantuan mengetahui mengenai peraturan keselamatan bagi pelindung kaki.

	STS	TS	TP	S	SS
Frekuensi	7	25	0	8	0
Peratus	17.5	62.5	0	20	0
Nilai-p (Binomial)	< 0.001				

STS: Sangat tidak setuju, TS: Tidak setuju, TP: Tidak pasti, S: Setuju, SS: Sangat setuju

Jadual 10.11 pula menunjukkan tahap kebolehbantuan medium penyampaian maklumat mengenai peraturan keselamatan bagi pelindung kaki oleh pekerja asing di tapak bina. Berdasarkan nilai p ujian binomial ($p < 0.001$), kajian menyatakan bahawa terdapat perbezaan yang bererti antara proposi kumpulan

bersetuju dengan kumpulan tidak bersetuju pada aras keertian 0.05. Merujuk kepada jadual, didapati hanya segelintir responden sahaja bersetuju (20%) bahawa medium penyampaian maklumat sedia ada membantu dalam mengetahui mengenai peraturan keselamatan bagi pelindung kaki. Kajian menyimpulkan bahawa kebolehbantuan medium penyampaian maklumat mengenai peraturan keselamatan bagi pelindung kaki ini adalah pada tahap sederhana rendah.

Jadual 10.12

Kebolehbantuan mengetahui mengenai peraturan keselamatan bagi jaket keselamatan.

	STS	TS	TP	S	SS
Frekuensi	30	10	0	0	0
Peratus	75	25	0	0	0
Nilai-p (Binomial)	< 0.001				

STS: Sangat tidak setuju, TS: Tidak setuju, TP: Tidak pasti, S: Setuju, SS: Sangat setuju

Tahap kebolehbantuan medium penyampaian maklumat mengenai peraturan keselamatan bagi jaket keselamatan oleh pekerja asing di tapak bina juga ditunjukkan dalam Jadual 10.12. Berdasarkan nilai p ujian binomial ($p < 0.001$), kajian menyatakan bahawa terdapat perbezaan yang bererti antara proposi kumpulan bersetuju dengan kumpulan tidak bersetuju pada aras keertian 0.05. Merujuk kepada jadual, didapati semua responden tidak bersetuju (100%) bahawa medium penyampaian maklumat sedia ada ini membantu dalam mengetahui mengenai peraturan keselamatan bagi jaket keselamatan. Kajian menyimpulkan bahawa kebolehbantuan medium penyampaian maklumat mengenai peraturan keselamatan bagi jaket keselamatan ini berada pada tahap yang sangat rendah.

Jadual 10.13

Kebolehbantuan mengetahui mengenai peraturan keselamatan bagi pelindung telinga.

	STS	TS	TP	S	SS
Frekuensi	31	8	1	0	0
Peratus	77.5	20	2.5	0	0
Nilai-p (Binomial)	< 0.001				

STS: Sangat tidak setuju, TS: Tidak setuju, TP: Tidak pasti, S: Setuju, SS: Sangat setuju

Tahap kebolehbantuan medium penyampaian maklumat mengenai peraturan keselamatan bagi pelindung telinga oleh pekerja asing di tapak bina ditunjukkan seperti dalam Jadual 10.13. Berdasarkan nilai p ujian binomial ($p < 0.001$), kajian

menyatakan bahawa terdapat perbezaan yang bererti antara proposi kumpulan bersetuju dengan kumpulan tidak bersetuju pada aras keertian 0.05. Merujuk kepada jadual, didapati tiada responden yang bersetuju (0%) bahawa medium penyampaian maklumat sedia ada ini membantu dalam mengetahui mengenai peraturan keselamatan bagi pelindung telinga. Kesimpulannya, kebolehbantuan medium penyampaian maklumat mengenai peraturan keselamatan bagi pelindung telinga ini adalah berada pada tahap yang sangat rendah.

Jadual 10.14

Kebolehbantuan mengetahui mengenai peraturan keselamatan bagi pelindung muka dan mata.

	STS	TS	TP	S	SS
Frekuensi	31	8	1	0	0
Peratus	77.5	20	2.5	0	0
Nilai-p (Binomial)	< 0.001				
STS: Sangat tidak setuju, TS: Tidak setuju, TP: Tidak pasti, S: Setuju, SS: Sangat setuju					

Jadual 10.14 pula menunjukkan tahap kebolehbantuan medium penyampaian maklumat mengenai peraturan keselamatan bagi pelindung muka dan mata oleh pekerja asing di tapak bina. Nilai p ujian binomial ($p < 0.001$) menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang bererti antara proposi kumpulan bersetuju dengan kumpulan tidak bersetuju pada aras keertian 0.05. Merujuk kepada jadual, didapati tiada responden yang bersetuju (0%) bahawa medium penyampaian maklumat sedia ada ini membantu dalam mengetahui mengenai peraturan keselamatan bagi pelindung muka dan mata. Kajian menyimpulkan bahawa kebolehbantuan medium penyampaian maklumat mengenai peraturan keselamatan bagi pelindung muka dan mata ini adalah berada pada tahap yang sangat rendah.

Jadual 10.15

Kebolehbantuan mengetahui mengenai peraturan keselamatan bagi tali pinggang keselamatan.

	STS	TS	TP	S	SS
Frekuensi	31	8	1	0	0
Peratus	77.5	20	2.5	0	0
Nilai-p (Binomial)	< 0.001				
STS: Sangat tidak setuju, TS: Tidak setuju, TP: Tidak pasti, S: Setuju, SS: Sangat setuju					

Jadual 10.15 juga menunjukkan tahap kebolehbantuan medium penyampaian maklumat mengenai peraturan keselamatan bagi tali pinggang keselamatan oleh pekerja asing di tapak bina. Nilai p ujian binomial ($p < 0.001$) menunjukkan

bahawa terdapat perbezaan yang bererti antara proposi kumpulan bersetuju dengan kumpulan tidak bersetuju pada aras keertian 0.05. Merujuk kepada jadual, didapati tiada responden yang bersetuju (0%) bahawa medium penyampaian maklumat sedia ada ini membantu mengenai peraturan keselamatan bagi tali pinggang keselamatan di kalangan pekerja asing. Kajian menyimpulkan bahawa kebolehbantuan medium penyampaian maklumat mengenai peraturan keselamatan bagi tali pinggang keselamatan ini adalah berada pada tahap yang sangat rendah.

Jadual 10.16

Kebolehbantuan mengetahui mengenai peraturan keselamatan bagi pelindung tangan.

	STS	TS	TP	S	SS
Frekuensi	29	11	0	0	0
Peratus	72.5	27.5	0	0	0
Nilai-p (Binomial)	< 0.001				

STS: Sangat tidak setuju, TS: Tidak setuju, TP: Tidak pasti, S: Setuju, SS: Sangat setuju

Jadual 10.16 menunjukkan tahap kebolehbantuan medium penyampaian maklumat mengenai peraturan keselamatan bagi pelindung tangan oleh pekerja asing di tapak bina. Berdasarkan nilai p ujian binomial ($p < 0.001$), kajian menyatakan bahawa terdapat perbezaan yang bererti antara proposi kumpulan bersetuju dengan kumpulan tidak bersetuju pada aras keertian 0.05. Merujuk kepada jadual, didapati kesemua responden tidak bersetuju (100%) bahawa medium penyampaian maklumat sedia ada membantu mengetahui mengenai peraturan keselamatan bagi pelindung tangan. Kajian menyimpulkan bahawa tahap kebolehbantuan medium penyampaian maklumat mengenai peraturan keselamatan bagi pelindung tangan di kalangan pekerja asing adalah sangat rendah.

Jadual 10.17

Kebolehbantuan mengetahui mengenai peraturan keselamatan bagi pelindung pernafasan.

	STS	TS	TP	S	SS
Frekuensi	30	10	0	0	0
Peratus	75	25	0	0	0
Nilai-p (Binomial)	< 0.001				

STS: Sangat tidak setuju, TS: Tidak setuju, TP: Tidak pasti, S: Setuju, SS: Sangat setuju

Tahap kebolehbantuan medium penyampaian maklumat mengenai peraturan keselamatan bagi pelindung pernafasan oleh pekerja asing di tapak bina adalah

ditunjukkan seperti dalam Jadual 10.17. Berdasarkan nilai p ujian binomial ($p < 0.001$), kajian menyatakan bahawa terdapat perbezaan yang bererti antara proposi kumpulan bersetuju dengan kumpulan tidak bersetuju pada aras keertian 0.05. Merujuk kepada jadual, didapati kesemua responden tidak bersetuju (100%) bahawa medium penyampaian maklumat sedia ada membantu mengetahui mengenai peraturan keselamatan bagi pelindung pernafasan di kalangan pekerja asing. Kajian menyimpulkan bahawa tahap kebolehbantuan medium penyampaian maklumat mengenai peraturan keselamatan bagi pelindung pernafasan di kalangan pekerja asing ini adalah sangat rendah.

Cara Pemakaian Kelengkapan Pelindung Diri

Medium penyampaian maklumat sedia ada yang digunakan dilihat mempunyai tahap kebolehbantuan yang rendah dalam membantu pekerja asing mengetahui mengenai cara pemakaian yang betul bagi kesemua kelengkapan pelindung diri ($min < 3$). Namun, kajian mendapati bahawa hanya pelindung kepala sahaja yang menunjukkan nilai min yang lebih tinggi berbanding dengan kelengkapan pelindung diri yang lain. Jadual di bawah menunjukkan mengenai perincian peratusan hasil kebolehbantuan maklumat cara pemakaian bagi setiap kelengkapan pelindung diri.

Jadual 10.18

Kebolehbantuan mengetahui mengenai cara pemakaian pelindung kepala.

	STS	TS	TP	S	SS
Frekuensi	6	26	0	8	0
Peratus	15	65	0	20	0
Nilai-p (Binomial)	< 0.001				

STS: Sangat tidak setuju, TS: Tidak setuju, TP: Tidak pasti, S: Setuju, SS: Sangat setuju

Jadual 10.18 adalah menunjukkan tahap kebolehbantuan medium penyampaian maklumat mengenai cara pemakaian pelindung kepala oleh pekerja asing di tapak bina. Berdasarkan nilai p ujian binomial ($p < 0.001$), kajian menyatakan bahawa terdapat perbezaan yang bererti antara proposi kumpulan bersetuju dengan kumpulan tidak bersetuju pada aras keertian 0.05. Merujuk kepada jadual, didapati hanya segelintir responden sahaja bersetuju (20%) bahawa medium penyampaian maklumat sedia ada ini membantu untuk mengetahui mengenai cara pemakaian pelindung kepala di kalangan pekerja asing. Kajian menyimpulkan bahawa kebolehbantuan medium penyampaian maklumat mengenai cara pemakaian pelindung kepala ini hanya berada pada tahap yang sederhana rendah.

Jadual 10.19

Kebolehbantuan mengetahui mengenai cara pemakaian pelindung kaki.

	STS	TS	TP	S	SS
Frekuensi	19	14	0	7	0
Peratus	47.5	35	0	17.5	0
Nilai-p (Binomial)	< 0.001				

STS: Sangat tidak setuju, TS: Tidak setuju, TP: Tidak pasti, S: Setuju, SS: Sangat setuju

Jadual 10.19 pula menunjukkan tahap kebolehbantuan medium penyampaian maklumat mengenai cara pemakaian pelindung kaki oleh pekerja asing di tapak bina. Berdasarkan nilai p ujian binomial ($p < 0.001$), kajian menjelaskan bahawa terdapat perbezaan yang bererti antara proposi kumpulan bersetuju dengan kumpulan tidak bersetuju pada aras keertian 0.05. Merujuk kepada jadual, didapati hanya segelintir responden bersetuju (17.5%) bahawa medium penyampaian maklumat sedia ada membantu untuk mengetahui mengenai cara pemakaian pelindung kaki. Maka, kajian menyimpulkan bahawa kebolehbantuan medium penyampaian maklumat mengenai cara pemakaian pelindung kaki ini adalah berada pada tahap sederhana rendah.

Jadual 10.20

Kebolehbantuan mengetahui mengenai cara pemakaian jaket keselamatan.

	STS	TS	TP	S	SS
Frekuensi	22	14	0	4	0
Peratus	55	35	0	10	0
Nilai-p (Binomial)	< 0.001				

STS: Sangat tidak setuju, TS: Tidak setuju, TP: Tidak pasti, S: Setuju, SS: Sangat setuju

Tahap kebolehbantuan medium penyampaian maklumat mengenai cara pemakaian jaket keselamatan oleh pekerja asing di tapak bina adalah ditunjukkan seperti dalam Jadual 10.20. Nilai p ujian binomial ($p < 0.001$) menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang bererti antara proposi kumpulan bersetuju dengan kumpulan tidak bersetuju pada aras keertian 0.05. Merujuk kepada jadual, didapati hanya segelintir responden sahaja yang bersetuju (10%) bahawa medium penyampaian maklumat sedia ada ini membantu untuk mengetahui mengenai cara pemakaian jaket keselamatan di kalangan pekerja asing. Dapat disimpulkan bahawa tahap kebolehbantuan medium penyampaian maklumat mengenai cara pemakaian jaket keselamatan ini adalah rendah.

Jadual 10.21

Kebolehbantuan mengetahui mengenai cara pemakaian pelindung telinga.

	STS	TS	TP	S	SS
Frekuensi	24	16	0	0	0
Peratus	60	40	0	0	0
Nilai-p (Binomial)	< 0.001				

STS: Sangat tidak setuju, TS: Tidak setuju, TP: Tidak pasti, S: Setuju, SS: Sangat setuju

Tahap kebolehbantuan medium penyampaian maklumat mengenai cara pemakaian pelindung telinga oleh pekerja asing di tapak bina adalah seperti dalam Jadual 10.21. Merujuk kepada nilai p ujian binomial ($p < 0.001$), kajian mendapati bahawa terdapat perbezaan yang bererti antara proposi kumpulan bersetuju dengan kumpulan tidak bersetuju pada aras keertian 0.05. Keputusan menunjukkan kesemua responden tidak bersetuju (100%) bahawa medium penyampaian maklumat sedia ada ini membantu untuk mengetahui mengenai cara pemakaian pelindung telinga di kalangan pekerja asing. Maka, dapat disimpulkan bahawa tahap kebolehbantuan medium penyampaian maklumat mengenai cara pemakaian pelindung telinga ini adalah sangat rendah.

Jadual 10.22

Kebolehbantuan mengetahui mengenai cara pemakaian pelindung muka dan mata.

	STS	TS	TP	S	SS
Frekuensi	22	18	0	0	0
Peratus	55	45	0	0	0
Nilai-p (Binomial)	< 0.001				

STS: Sangat tidak setuju, TS: Tidak setuju, TP: Tidak pasti, S: Setuju, SS: Sangat setuju

Seterusnya, Jadual 10.22 adalah menunjukkan tahap kebolehbantuan medium penyampaian maklumat mengenai cara pemakaian pelindung muka dan mata oleh pekerja asing di tapak bina. Nilai p ujian binomial ($p < 0.001$) menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang bererti antara proposi kumpulan bersetuju dengan kumpulan tidak bersetuju pada aras keertian 0.05. Keputusan menunjukkan semua responden tidak bersetuju (100%) bahawa medium penyampaian maklumat sedia ada membantu untuk mengetahui mengenai cara pemakaian pelindung muka dan mata di kalangan pekerja asing. Maka, dapat disimpulkan bahawa tahap kebolehbantuan medium penyampaian maklumat mengenai cara pemakaian pelindung muka dan mata ini adalah sangat rendah.

Jadual 10.23

Kebolehbantuan mengetahui mengenai cara pemakaian tali pinggang keselamatan.

	STS	TS	TP	S	SS
Frekuensi	23	15	2	0	0
Peratus	57.5	37.5	5	0	0
Nilai-p (Binomial)	< 0.001				

STS: Sangat tidak setuju, TS: Tidak setuju, TP: Tidak pasti, S: Setuju, SS: Sangat setuju

Jadual 10.23 pula menunjukkan tahap kebolehbantuan medium penyampaian maklumat mengenai cara pemakaian tali pinggang keselamatan oleh pekerja asing di tapak bina. Nilai p ujian binomial ($p < 0.001$) menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang bererti antara proposi kumpulan bersetuju dengan kumpulan tidak bersetuju pada aras keertian 0.05. Berdasarkan jadual, tiada responden yang bersetuju (0%) dengan pernyataan bahawa medium penyampaian maklumat sedia ada membantu untuk mengetahui mengenai cara pemakaian tali pinggang keselamatan. Sebagai kesimpulan, kebolehbantuan medium penyampaian maklumat mengenai cara pemakaian tali pinggang keselamatan ini adalah berada pada tahap yang sangat rendah.

Jadual 10.24

Kebolehbantuan mengetahui mengenai mara pemakaian pelindung tangan.

	STS	TS	TP	S	SS
Frekuensi	21	13	0	6	0
Peratus	52.5	32.5	0	15	0
Nilai-p (Binomial)	< 0.001				

STS: Sangat tidak setuju, TS: Tidak setuju, TP: Tidak pasti, S: Setuju, SS: Sangat setuju

Tahap kebolehbantuan medium penyampaian maklumat mengenai cara pemakaian pelindung tangan oleh pekerja asing di tapak bina adalah ditunjukkan seperti dalam Jadual 10.24. Merujuk kepada nilai p ujian binomial ($p < 0.001$), kajian mendapati bahawa terdapat perbezaan yang bererti antara proposi kumpulan bersetuju dengan kumpulan tidak bersetuju pada aras keertian 0.05. Keputusan menunjukkan majoriti responden tidak bersetuju (85%) bahawa medium penyampaian maklumat sedia ada membantu untuk mengetahui mengenai cara pemakaian pelindung tangan. Maka, kajian menyimpulkan bahawa tahap kebolehbantuan medium penyampaian maklumat mengenai cara pemakaian pelindung tangan ini adalah sangat rendah.

Jadual 10.25

Kebolehbantuan mengetahui mengenai cara pemakaian pelindung pernafasan.

	STS	TS	TP	S	SS
Frekuensi	23	13	1	3	0
Peratus	57.5	32.5	2.5	7.5	0
Nilai-p (Binomial)	< 0.001				

STS: Sangat tidak setuju, TS: Tidak setuju, TP: Tidak pasti, S: Setuju, SS: Sangat setuju

Akhir sekali, tahap kebolehbantuan medium penyampaian maklumat mengenai cara pemakaian pelindung pernafasan oleh pekerja asing di tapak bina juga ditunjukkan seperti dalam Jadual 10.25. Merujuk kepada nilai p ujian binomial ($p < 0.001$), kajian mendapati bahawa terdapat perbezaan yang bererti antara proposi kumpulan bersetuju dengan kumpulan tidak bersetuju pada aras keertian 0.05. Keputusan menunjukkan hanya segelintir responden yang bersetuju (7.5%) bahawa medium penyampaian maklumat sedia ada membantu untuk mengetahui mengenai cara pemakaian pelindung pernafasan. Justeru, kajian menyimpulkan bahawa kebolehbantuan medium penyampaian maklumat mengenai cara pemakaian pelindung pernafasan adalah berada pada tahap yang sangat rendah.

Mengetahui Mengenai Kesan Baik Penggunaan Kelengkapan Pelindung Diri

Kebolehbantuan medium penyampaian maklumat mengenai kesan baik penggunaan kelengkapan pelindung diri bagi semua aspek yang diuji adalah berada di bawah garis min = 3 di mana medium penyampaian maklumat sedia ada ini hanya mempunyai tahap kebolehbantuan yang rendah. Kajian turut mendapati bahawa hanya pelindung kepala dan pelindung kaki sahaja menunjukkan tahap kebolehbantuan yang lebih tinggi berbanding dengan kelengkapan pelindung yang lain. Jadual di bawah ini menunjukkan mengenai perincian peratusan hasil kebolehbantuan mengenai mengetahui kesan baik penggunaan bagi setiap kelengkapan pelindung diri oleh pekerja asing di tapak bina.

Jadual 10.26

Kebolehbantuan mengetahui mengenai kesan baik penggunaan pelindung kepala.

	STS	TS	TP	S	SS
Frekuensi	3	30	0	6	1
Peratus	7.5	75	0	15	2.5
Nilai-p (Binomial)	< 0.001				

STS: Sangat tidak setuju, TS: Tidak setuju, TP: Tidak pasti, S: Setuju, SS: Sangat setuju

Jadual 10.26 menunjukkan tahap kebolehbantuan medium penyampaian maklumat mengenai kesan baik penggunaan pelindung kepala oleh pekerja asing di tapak bina. Nilai p ujian binomial ($p < 0.001$) menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang bererti antara proposi kumpulan bersetuju dengan kumpulan tidak bersetuju pada aras keertian 0.05. Keputusan menunjukkan minoriti responden bersetuju (17.5%) bahawa medium penyampaian maklumat sedia ada membantu dalam mengetahui mengenai kesan baik penggunaan pelindung kepala semasa bekerja di tapak bina. Namun keseluruhannya, kebolehbantuan medium penyampaian maklumat mengenai kesan baik penggunaan pelindung kepala di kalangan pekerja asing ini berada pada tahap sederhana rendah sahaja.

Jadual 10.27

Kebolehbantuan mengetahui mengenai kesan baik penggunaan pelindung kaki.

	STS	TS	TP	S	SS
Frekuensi	5	28	0	6	1
Peratus	12.5	70	0	15	2.5
Nilai-p (Binomial)	< 0.001				
STS: Sangat tidak setuju, TS: Tidak setuju, TP: Tidak pasti, S: Setuju, SS: Sangat setuju					

Jadual 10.27 pula menunjukkan tahap kebolehbantuan medium penyampaian maklumat mengenai kesan baik penggunaan pelindung kaki oleh pekerja asing semasa bekerja di tapak bina. Nilai p ujian binomial ($p < 0.001$) menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang bererti antara proposi kumpulan bersetuju dengan kumpulan tidak bersetuju pada aras keertian 0.05. Keputusan menunjukkan bahawa minoriti responden bersetuju (17.5%) bahawa medium penyampaian maklumat sedia ada membantu dalam mengetahui mengenai kesan baik penggunaan pelindung kaki dengan menyimpulkan bahawa kebolehbantuan medium penyampaian maklumat mengenai kesan baik penggunaan pelindung kaki ini hanya berada pada tahap sederhana rendah.

Jadual 10.28

Kebolehbantuan mengetahui mengenai kesan baik penggunaan jaket keselamatan.

	STS	TS	TP	S	SS
Frekuensi	11	26	1	2	0
Peratus	27.5	65	2.5	5	0
Nilai-p (Binomial)	< 0.001				
STS: Sangat tidak setuju, TS: Tidak setuju, TP: Tidak pasti, S: Setuju, SS: Sangat setuju					

Tahap kebolehbantuan medium penyampaian maklumat mengenai kesan baik penggunaan jaket keselamatan oleh pekerja asing di tapak bina adalah ditunjukkan seperti dalam Jadual 10.28. Nilai p ujian binomial ($p < 0.001$) menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang bererti antara proposi kumpulan bersetuju dengan kumpulan tidak bersetuju pada aras keertian 0.05. Dapatan kajian menunjukkan hanya segelintir kecil responden sahaja bersetuju (5%) bahawa medium penyampaian maklumat sedia ada ini membantu dalam mengetahui mengenai kesan baik penggunaan jaket keselamatan. Oleh itu, kajian menyimpulkan bahawa tahap kebolehbantuan medium penyampaian maklumat mengenai kesan baik penggunaan jaket keselamatan ini adalah sangat rendah.

Jadual 10.29

Kebolehbantuan mengetahui mengenai kesan baik penggunaan pelindung telinga.

	STS	TS	TP	S	SS
Frekuensi	13	25	0	2	0
Peratus	32.5	62.5	0	5	0
Nilai-p (Binomial)	< 0.001				
STS: Sangat tidak setuju, TS: Tidak setuju, TP: Tidak pasti, S: Setuju, SS: Sangat setuju					

Tahap kebolehbantuan medium penyampaian maklumat mengenai kesan baik penggunaan pelindung telinga oleh pekerja asing di tapak bina juga ditunjukkan seperti dalam Jadual 10.29 dengan nilai p ujian binomial ($p < 0.001$) ditunjukkan mempunyai perbezaan yang bererti antara proposi kumpulan bersetuju dengan kumpulan tidak bersetuju pada aras keertian 0.05. Berdasarkan pada jadual, hanya segelintir kecil responden sahaja yang bersetuju (5%) bahawa medium penyampaian maklumat sedia ada ini membantu untuk mengetahui mengenai kesan baik penggunaan pelindung telinga. Justeru, dapat disimpulkan bahawa kebolehbantuan medium penyampaian maklumat mengenai kesan baik penggunaan pelindung telinga ini berada pada tahap yang sangat rendah.

Jadual 10.30

Kebolehbantuan mengetahui mengenai kesan baik penggunaan pelindung muka dan mata.

	STS	TS	TP	S	SS
Frekuensi	12	24	1	3	0
Peratus	30	60	2.5	7.5	0
Nilai-p (Binomial)	< 0.001				
STS: Sangat tidak setuju, TS: Tidak setuju, TP: Tidak pasti, S: Setuju, SS: Sangat setuju					

Jadual 10.30 menunjukkan tahap kebolehbantuan medium penyampaian maklumat mengenai kesan baik penggunaan pelindung muka dan mata oleh pekerja asing semasa bekerja di tapak bina. Nilai p ujian binomial ($p < 0.001$) menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang bererti antara proposi kumpulan bersetuju dengan kumpulan tidak bersetuju pada aras keertian 0.05. Merujuk kepada jadual, hanya segelintir responden sahaja yang bersetuju (7.5%) bahawa medium penyampaian maklumat sedia ada ini membantu untuk mengetahui mengenai kesan baik penggunaan pelindung muka dan mata di kalangan pekerja asing. Maka, kajian menyimpulkan bahawa tahap kebolehbantuan medium penyampaian maklumat mengenai kesan baik penggunaan pelindung muka dan mata ini adalah berada pada tahap yang sangat rendah.

Jadual 10.31

Kebolehbantuan mengetahui mengenai kesan baik penggunaan tali pinggang keselamatan.

	STS	TS	TP	S	SS
Frekuensi	11	27	0	2	0
Peratus	27.5	67.5	0	5	0
Nilai-p (Binomial)	< 0.001				

STS: Sangat tidak setuju, TS: Tidak setuju, TP: Tidak pasti, S: Setuju, SS: Sangat setuju

Jadual 10.31 pula menunjukkan tahap kebolehbantuan medium penyampaian maklumat mengenai kesan baik penggunaan tali pinggang keselamatan oleh pekerja asing di tapak bina. Nilai p ujian binomial ($p < 0.001$) menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang bererti antara proposi kumpulan bersetuju dengan kumpulan tidak bersetuju pada aras keertian 0.05. Keputusan kajian menunjukkan bahawa segelintir kecil responden bersetuju (5%) bahawa medium penyampaian maklumat sedia ada ini membantu mengetahui mengenai kesan baik penggunaan tali pinggang keselamatan. Keseluruhannya, kajian menyimpulkan bahawa kebolehbantuan medium penyampaian maklumat terhadap kesan baik penggunaan tali pinggang keselamatan ini berada pada tahap yang sangat rendah.

Jadual 10.32

Kebolehbantuan mengetahui mengenai kesan baik penggunaan pelindung tangan.

	STS	TS	TP	S	SS
Frekuensi	7	30	0	3	0
Peratus	17.5	75	0	7.5	0
Nilai-p (Binomial)	< 0.001				

STS: Sangat tidak setuju, TS: Tidak setuju, TP: Tidak pasti, S: Setuju, SS: Sangat setuju

Tahap kebolehbantuan medium penyampaian maklumat mengenai kesan baik penggunaan pelindung tangan oleh pekerja asing di tapak bina juga ditunjukkan seperti dalam Jadual 10.32. Nilai p ujian binomial ($p < 0.001$) menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang bererti antara proposi kumpulan bersetuju dengan kumpulan tidak bersetuju pada aras keertian 0.05. Merujuk kepada jadual, hanya 5% responden sahaja bersetuju bahawa medium penyampaian maklumat sedia ada dapat membantu untuk mengetahui mengenai kesan baik penggunaan pelindung tangan di kalangan pekerja asing dengan tahap kebolehbantuan yang sangat rendah.

Jadual 10.33
Kebolehbantuan mengetahui mengenai kesan baik penggunaan pelindung pernafasan.

	STS	TS	TP	S	SS
Frekuensi	7	30	0	3	0
Peratus	17.5	75	0	7.5	0
Nilai-p (Binomial)	< 0.001				

STS: Sangat tidak setuju, TS: Tidak setuju, TP: Tidak pasti, S: Setuju, SS: Sangat setuju

Akhir sekali, tahap kebolehbantuan medium penyampaian maklumat mengenai kesan baik penggunaan pelindung pernafasan oleh pekerja asing di tapak bina ditunjukkan dalam Jadual 10.33. Berdasarkan nilai p ujian binomial ($p < 0.001$), kajian mendapati bahawa terdapat perbezaan yang bererti antara proposi kumpulan bersetuju dengan kumpulan tidak bersetuju pada aras keertian 0.05. Keputusan menunjukkan majoriti responden tidak bersetuju (92.5%) bahawa medium penyampaian maklumat sedia ada ini dapat membantu untuk mengetahui mengenai kesan baik penggunaan pelindung pernafasan di kalangan pekerja asing. Oleh itu, kajian menyimpulkan bahawa kebolehbantuan medium penyampaian maklumat ini adalah berada pada tahap yang sangat rendah.

Tahap Kepuasan Medium Penyampaian Maklumat di dalam KIKK

Hasil kajian yang telah dilaksanakan di beberapa tempat kursus dan tapak bina di Negeri Kedah mendapati medium penyampaian maklumat sedia ada yang digunakan kurang mencapai tahap kepuasan di kalangan pekerja asing. Analisis frekuensi, peratusan dan min yang telah dijalankan menunjukkan tahap kepuasan 86% (35) pekerja asing dari aspek bahasa serta peruntukan masa untuk menonton media di kalangan 85% (34) pekerja asing adalah sangat rendah dengan masing-masing mencatatkan nilai min 2.2 dan 1.95. Walau bagaimanapun, di dapati tahap kepuasan pekerja asing terhadap kandungan maklumat dalam media penyampaian maklumat yang bersesuaian dengan kerja di tapak serta kandungan maklumat yang dapat memenuhi keperluan kerja secara menyeluruh di tapak bina adalah berada pada tahap yang sederhana tinggi dengan nilai min 3.75 dan 3.65.

Namun begitu, kajian turut mendapati bahawa 95% daripada pekerja asing ini mencapai tahap kepuasan dari aspek penggunaan gambar di dalam media penyampaian maklumat dengan catatan nilai min yang tinggi iaitu 4.08. Hal ini menunjukkan bahawa elemen gambar adalah lebih disukai oleh pekerja asing dalam mempengaruhi minat mereka untuk mempelajari dan memahami maklumat keselamatan yang disampaikan. Perkara ini disokong oleh Hienich, Molenda, Russell dan Smaldino (2001) yang mana menyatakan bahawa kaedah pengajaran berbentuk ceramah serta penggunaan medium gambar hitam putih adalah kurang menarik minat pelajar terhadap pembelajaran. Malah, penggunaan *PowerPoint* dan demonstrasi multimedia dapat membantu meningkatkan proses pembelajaran (Ahmad Thoyyib, Eva Nur Mazidah & Fauziyatun, 2018; Jones, 2003) seterusnya dapat meningkatkan motivasi dan minat pelajar (Chang, Lin & Lee, 2005). Ini kerana menurut Norfarhana, Wan Fatimah & Emelia (2010), gabungan pelbagai elemen seperti teks, grafik, animasi, audio dan video dapat membantu meningkatkan minat serta menarik perhatian pelajar untuk terus fokus sepanjang pembelajaran berlangsung.

Pernyataan ini turut disokong dengan hasil kajian yang telah dijalankan mengenai keperluan pekerja asing terhadap medium penyampaian yang digunakan di dalam KIKK iaitu bagi meningkatkan pemahaman mereka terhadap maklumat keselamatan pekerjaan seterusnya memenuhi keperluan kerja di tapak bina. Kajian mendapati bahawa pekerja asing ini lebih memerlukan media cetak bertulis dalam bahasa ibunda mereka samada pada nota edaran, buku, risalah, poster dan pelekat (nilai min = > 4). Selain itu, pekerja asing juga memerlukan media cetak bergambar pada setiap nota edaran (min = 4.875), buku (min = 4.875), risalah (min = 4.925), poster (min=4.9) dan pelekat (min = 4.7). Kajian juga melaporkan bahawa pekerja asing memerlukan maklumat yang disampaikan dalam bahasa ibunda mereka menerusi kaedah secara bersemuka, tayangan filem dan rakaman video yang mana masing-masing mencatatkan nilai min tertinggi yang sama iaitu 4.975, diikuti dengan rakaman audio pada min 4.95 dan tayangan slaid min 4.875. Malah, di dapati penyampaian maklumat secara video merupakan bentuk penyampaian yang paling digemari oleh pekerja asing dengan catatan min 4.725 diikuti bentuk secara bergambar dengan min 4.6. Walau bagaimanapun, penyampaian secara bertulis dan lisan adalah dua bentuk penyampaian yang paling tidak digemari oleh pekerja asing (min = 1.325 dan 1.65) walaupun cara penyampaian secara bercetak masih dapat diterima (min = 3.075).

KESIMPULAN

Kajian menyimpulkan bahawa medium penyampaian maklumat sedia ada yang digunakan di dalam kursus adalah sangat kurang membantu dari segi menyampaikan maklumat tentang kegunaan pelindung kepala, kaki, jaket keselamatan, pelindung telinga, muka dan mata, tali pinggang keselamatan, pelindung tangan serta pernafasan. Malah, kajian turut mendapati bahawa medium penyampaian maklumat sedia ada ini tidak membantu pekerja asing dalam mengetahui serta memahami mengenai peraturan keselamatan bagi

kelengkapan pelindung diri. Hanya pelindung kepala dan pelindung kaki sahaja menunjukkan tahap kebolehbantuan yang lebih tinggi berbanding dengan kelengkapan pelindung diri yang lain. Dalam pada itu, medium penyampaian maklumat sedia ada yang digunakan juga mempunyai tahap kebolehbantuan yang rendah mengenai cara pemakaian yang betul bagi semua kelengkapan pelindung diri kecuali pelindung kepala. Turut dilihat bahawa medium ini mempunyai tahap kebolehbantuan yang rendah dalam mengetahui mengenai kesan baik bagi penggunaan semua kelengkapan pelindung diri kecuali pelindung kepala dan kaki yang mana menunjukkan nilai min yang lebih tinggi. Bagi tahap kepuasan dari aspek bahasa serta peruntukan masa untuk menonton media di kalangan pekerja asing pula menunjukkan nilai min yang sangat rendah terhadap medium penyampaian maklumat yang digunakan. Maka secara keseluruhannya, di dapati pekerja asing ini mempunyai minat yang sederhana rendah (min 2.7) terhadap medium penyampaian maklumat yang digunakan dan 72.5% (29) pekerja asing pula tidak memahami maklumat keselamatan yang ditunjukkan melalui medium penyampaian sedia ada di dalam KIKK.

RUJUKAN

- Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Malaysia) (Akta 520).
- Chang, Y.M., Lin, C.Y. & Lee, Y.K. (2005). The preferences of young children for images used in dynamic graphical interfaces in computer-assisted English vocabulary learning. *Displays*, 26 (4-5): 147-152.
- Che Hashim Hassan (2009). Buruh asing di Malaysia: trend, kaedah, kesan, masalah dan cara mengatasinya. *Jati*, 14, 119-132.
- Habibah Hj. Lateh, Arumugam Raman & Teoh Ah Nui. (2014). Penggunaan Multimedia Interaktif dalam Pengajaran dan Pembelajaran Geografi. Persidangan Pendidikan Geografi Kebangsaan (II) 2004, 14 - 15 Julai 2004, Dewan Persidangan Universiti, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. hlm. 1-17.
- Heinich, R., Molenda, M., Russell, J.D. & Smaldino, S.E. (2001). *Instructional Media and Technologies for Learning*. Edisi ke-7. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall.
- Jones, A.M. (2003). The use and abuse of PowerPoint in teaching and learning in the life sciences: A personal overview. *Bioscience Education*, 2, 1-13.
- Mohamed Khodeir, L. & Salaheldine, Y. (2018). The impact of integrating occupational safety and health into the pre-construction phase of projects: A literature review. *The Academic Research Community Publication*, 177-186.
- Norfarhana Abdollah, Wan Fatimah Wan Ahmad & Emelia Akashah Patah Akhir (2010). Multimedia design and development in 'komputer saya' courseware for slow learners. *Kertas Kerja Persidangan Antarabangsa Ke-2 Computer Research and Development 2010*, 354-358.
- Nurul Azita Salleh (2014). Pembangunan Perisian Multimedia Dwibahasa (IM-SmartSAFETY) untuk Pekerja Asing bagi Kursus Keselamatan Industri

- Pembinaan Malaysia. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Vitharana, V. H. P., Subashi De Silva, G. H. M. J. & Sudhira De Silva, G. H. M. J. (2015). Health Hazards, Risk and Safety Practices in Construction Sites – A Review Study. *Engineer XLVIII* (3), 35-44.
- Yusup Hashim (1997). Media Pengajaran untuk Pendidikan dan Latihan. Shah Alam: Fajar Bakti.